

**Pakatan mahu Putrajaya tarik balik Rang Undang-undang Perhimpunan Aman**  
**The Malaysian Insider**  
**23 November , 2011**  
**Oleh Shazwan Mustafa Kamal**

KUALA LUMPUR, 23 Nov — Pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat (PR) menggesa agar kerajaan menarik balik Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011 sambil menyifatkan ia sebagai respons yang tidak demokratik kepada tuntutan-tuntutan kepada hak asasi sivil di Malaysia.

Ketua Umum PR Datuk Seri Anwar Ibrahim (gambar) berkata ahli-ahli Parlimen perikatan itu akan membantah rang undang-undang itu apabila ia dibahaskan mulai esok. "Tiada jaminan yang jelas, rang undang-undang ini akan memberi kuasa mutlak kepada polis, dengan rayuan terletak di tangan menteri. Ini bukan demokratik," kata Anwar kepada pemberita.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh berkata PR akan mengemukakan memorandum protes mengenainya kepada Suhakam esok.

Penasihat DAP Lim Kit Siang berkata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bertindak bertentangan dengan apa yang dijanjikan oleh beliau dua bulan lalu.

Naib Presiden PAS Datuk Mahfuz Omar pula menyifatkan rang undang-undang itu seolah-olah "keluar mulut harimau masuk mulut buaya.

"Tarik balik rang undang-undang, ia tidak akan ke mana," kata Lim lagi.

Rang undang-undang itu dibentangkan di Parlimen untuk bacaan kali pertama semalam.

The Malaysian Insider  
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider  
Source:  
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-mahu-putrajaya-tarik-balik-rang-undang-undang-perhimpunan-aman/>